

Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang

Factors That Influence Malay Language Learning Motivation Among Students in SJKC Chung Hwa Telok Kemang

ALHAADI ISMAIL & NORIMAH ZAKARIA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menerokai penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hwa Teluk Kemang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Cina terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan menganalisis faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik dan ekstrinsik berdasarkan pelajar Cina yang dikaji. Responden kajian ini terdiri daripada sekumpulan pelajar tahap 2 yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hwa Telok Kemang. Kajian ini telah mengaplikasikan Teori Motivasi Robert C. Gardner (2005) untuk melihat faktor intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi motivasi pelajar Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu. Keseluruhan sampel ialah seramai 30 orang pelajar yang terdiri daripada murid tahun 4, tahun 5 dan tahun 6. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa faktor ekstrinsik lebih mempengaruhi motivasi dan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sekolah. Hal ini demikian kerana rakan sebaya yang sering membantu dan menjadi rujukan para pelajar menjadi faktor utama dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar ini.

Kata kunci: Motivasi; pembelajaran; bahasa Melayu; bahasa kedua; pelajar Cina

ABSTRACT

This study aims to explore the influence of Malay as a second language among Chinese students at Sekolah Kebangsaan Cina Chung Hwa Teluk Kemang. The objectives of this study are to identify the factors that influenced Chinese students' motivation towards learning Malay language and to analyze the dominant factor in intrinsic and extrinsic motivation based on the Chinese student as respondents. The respondents of this study consisted of a group from year 4-6 elementary students in Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hwa Telok Kemang. This research has applied the Robert C. Gardner (2005) Motivation Theory in observing the intrinsic and extrinsic factors that influence the motivation of students in learning Malay language. The findings show that extrinsic factors influenced students' motivation and interest more towards learning Malay language. Factors such as peer's assistance and peers act as sources of references have predominantly become the main factors in mastering the Malay language.

Keywords: Motivation; learning; Malay language; second language; Chinese students

PENGENALAN

Bahasa ialah salah satu cara yang sangat penting bagi manusia untuk menyampaikan keinginan, kehendak dan meluahkan perasaan hati terhadap individu yang lain. Bahasa juga memainkan peranan penting dalam membantu mencapai matlamat-matlamat tertentu dalam setiap kehidupan di samping memberi sumbangan yang dominan dalam pengembangan ilmu dan kerjaya seseorang. Tambahan lagi bahasa dikategorikan kepada bahasa pertama dan bahasa kedua. Hal ini kerana, manusia boleh memperoleh lebih daripada satu bahasa dalam kehidupannya. Bahasa pertama sudah pun tersedia ada yang

diperoleh daripada ibu yang dikenali sebagai bahasa ibunda, bahasa yang sudah dipelajari sejak bayi lagi dan bahasa itu diproses tanpa dirancang. Manakala bahasa kedua adalah bahasa yang dianggap asing bagi seseorang individu untuk mengetahui dan menguasai dengan baik.

Isu-isu berkaitan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua mula mendapat perhatian para pengkaji pada tahun 1990-an. Berlaku banyak perbincangan dan perdebatan antara para sarjana mengenai motivasi dalam menguasai bahasa kedua. Akan tetapi, masing-masing mengakui bahawa motivasi memainkan peranan yang amat penting untuk menjamin kejayaan dalam menguasai bahasa kedua.

Motivasi terbentuk sebagai satu entiti hasil daripada pelbagai faktor (multi factorial) dan tahapnya boleh berubah daripada semasa ke semasa. Menurut Noels (2002), faktor yang membentuk motivasi terbahagi kepada dua kategori iaitu yang pertama ialah orientasi dalaman (intrinsic orientations) yang merujuk kepada kepuasan dan rasa seronok sama ada kerana pengembangan ilmu pengetahuan, pencapaian diri atau memperoleh pengalaman yang menggembirakan. Kedua ialah orientasi luaran (extrinsic orientations) yang berlaku disebabkan pulangan luaran seperti mendapat ijazah, pekerjaan, hadiah dan sebagainya. Ellis (1985), Julkunen (1989) dan Dornyei (1994) menegaskan bahawa aktiviti-aktiviti pembelajaran, bahan pengajaran dan tugasannya individu boleh mempengaruhi motivasi pelajar terhadap bahasa kedua. Oxford and Shearin (1994) pula menyenaraikan enam faktor yang memberi impak besar terhadap pembentukan motivasi iaitu sikap terhadap bahasa sasaran, kepercayaan diri, matlamat, penglibatan, persekitaran dan atribut diri. Abbas Pourhosein Gilakjani et al. (2012) menyifatkan bahawa faktor yang paling utama dalam pembentukan motivasi ialah rasa bersemangat (passion). Lima usaha awal yang boleh dilakukan bagi menyuburkan motivasi awal pelajar merangkumi: memperkemaskan sikap para pelajar terhadap bahasa sasaran; mempertingkatkan jangkaan kejayaan mereka; mempertingkatkan matlamat mereka; menjadikan bahan pembelajaran berkaitan dengan mereka dan membentuk kepercayaan mereka yang realistik (Pourhosein Gilakjani et al. 2012).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Cina terhadap pembelajaran bahasa Melayu.
2. Menganalisis faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik dan ekstrinsik berdasarkan pelajar Cina yang dikaji.

SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik dan ekstrinsik berdasarkan murid Cina di Sekolah Jenis

Kebangsaan Cina Chung Hwa Telok Kemang. Faktor ekstralinguistik B2 yang dikaji merangkumi pemboleh ubah motivasi terhadap pembelajaran B2. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik *Attitude Motivation Battery Test* (Robert C. Gardner 2005). Kajian ini dijalankan terhadap murid-murid tahap dua di sekolah yang dinyatakan. Penyelidik memanipulasi kajian tinjauan lapangan dengan menggunakan 1 set soal selidik, di samping perhatian dan nota catatan.

Kajian ini memilih 30 orang kanak-kanak sebagai responden kajian. Mereka adalah murid sekolah rendah yang dipilih berdasarkan keupayaan dalam menguasai bahasa Melayu. Pembelajaran bahasa kedua (B2) dipelajari selepas menerima proses pemerolehan bahasa pertama (B1). Pembelajaran B2 merupakan satu bentuk pembelajaran yang baru bagi kanak-kanak untuk mengetahui dan menguasainya dengan lebih baik. Malahan B2 melibatkan bahasa asing di luar tempat asal usul seperti bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Jepun dan sebagainya. Selain itu, B2 bagi istilah linguistik digunakan untuk merujuk kepada bahasa ketiga, keempat, kelima dan seterusnya yang mungkin diketahui dan dikuasai oleh seseorang individu selain daripada bahasa ibunda atau natifnya. Pembelajaran B2 juga berkembang secara perlahan atau daripada semasa ke semasa bagi memahami setiap isi kandungan dalam B2 terhadap kalangan kanak-kanak yang mempelajarinya.

SOROTAN LITERATUR

KAJIAN TENTANG TEORI MOTIVASI ROBERT C. GARDNER (2005) DALAM ROHAIDAH (2012)

Motivasi ialah konsep yang telah didefinisikan dalam pelbagai cara dan dimensi oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang psikologi dalam bidang disiplin saintifik yang lain. Oleh sebab itu, konsep motivasi mengandungi definisi yang berceranggah. Dalam kajian Gardner (2005) beliau ada merujuk penemuan daripada kajian Keller (1983) menyatakan bahawa motivasi adalah pilihan yang dibuat oleh individu tentang pengalaman, matlamat serta usaha yang dilakukan untuk mencapai atau mengelak sesuatu tujuan.

Kebiasaan ciri penting seorang individu yang bermotivasi dapat dilihat menerusi matlamat masing-masing. Tidak dinafikan bahawa ramai

orang mempunyai matlamat, tetapi tidak dapat dicapai kerana ketiadaan ciri-ciri yang membantu mereka mencapai matlamat tersebut. Hal ini kerana seorang individu yang bermotivasi bukan sahaja mempunyai matlamat, malah sanggup berusaha dengan gigih untuk mencapai matlamat tersebut. Mereka juga tidak mudah putus asa serta mempunyai semangat yang sangat tinggi untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Selain itu, mereka juga menunjukkan minat yang tinggi serta menyukai aktiviti yang perlu dilalui sebelum matlamat tersebut dicapai. Individu yang bermotivasi tinggi juga mampu menjangka kejayaan masing-masing. Apabila berjaya, mereka menunjukkan tahap keyakinan diri yang tinggi. Mereka juga dilihat, mempunyai motif atau sebab untuk setiap perlakuan mereka. Motivasi untuk mempelajari bahasa kedua bukan dibina dengan mudah kerana meliputi pelbagai aspek kognitif, afektif dan tingkah laku, serta keinginan luaran. Motivasi juga tidak boleh diukur dengan skala.

KAJIAN TENTANG MOTIVASI

Motivasi merujuk kepada kecenderungan diri seseorang untuk melakukan sesuatu. Saedah Siraj et al.(1996) mengatakan motivasi ialah penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu matlamat. Motivasi juga dikatakan sebagai rancangan kejayaan bagi seseorang atau rancangan mengelakkan diri daripada kegagalan. Aspek penting dalam motivasi ialah pelajar dapat melakukan sesuatu secara sukarela dan mengikut kehendak sendiri untuk mencapai matlamatnya. Pelajar juga rela melibatkan diri secara intensif dalam kegiatan ke arah matlamat dan bertahan untuk satu jangka masa demi memastikan matlamatnya tercapai. Dengan adanya motivasi, pelajar dapat mencapai kepuasan dan keseronokan dalam tugas pembelajaran serta menyedari akan kepentingan pembelajaran dalam kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, tanpa kesediaan belajar, pembelajaran tidak akan berlaku. Kesediaan belajar bergantung pada motivasi yang sesuai, maka motivasi adalah penting untuk menggerakkan pembelajaran. Setiap individu boleh dimotivasikan secara intrinsik atau ekstrinsik.

Menurut Gardner dan Lembert(1972) dan Jamali Ismail (1992) menyatakan dalam pembelajaran bahasa, sikap dan motivasi adalah mempunyai kaitan rapat antara satu dengan lain. Jika pelajar

mempunyai sikap yang positif dan tinggi, maka tahap motivasinya akan berjaya menguasai B2 dan begitu juga sebaliknya. Malah sikap seseorang terhadap sesuatu bahasa amat mempengaruhi motivasinya untuk mempelajari bahasa tersebut.

Seterusnya motivasi terdiri daripada 2 jenis iaitu, motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik merupakan suatu motif yang timbul daripada dalam diri untuk berbuat sesuatu. Menurut Sardiman (2010: 89) motivasi intrinsik adalah motif-motif yang menjadi aktif, atau berfungsi tidak perlu dirangsang daripada luar, kerana dalam diri setiap individu mempunyai dorongan untuk melakukan sesuatu tindakan. Mengikut Deci Ryan (1985), manusia bermotivasi intrinsik apabila mereka mempunyai persepsi diri mereka berkebolehan dan boleh membuat keputusan sendiri. Tingkah laku individu yang intrinsik dikawal daripada dalam dirinya sendiri. Diri secara langsung tidak membenarkan orang lain atau peristiwa luar mempengaruhinya. Orang yang bermotivasi intrinsik menentukan matlamat dan berusaha mencapainya. Tiada paksaan dalam membuat sesuatu. Seandainya berlaku paksaan, maka persepsi akan menurun.

Motivasi ekstrinsik diwujudkan daripada rangsangan luaran dengan tujuan menggerakkan individu supaya melakukan sesuatu aktiviti yang membawa faedah kepadanya. Pandangan daripada Gardner dan Lambert (1972: 3) menyatakan bahawa motivasi ekstrinsik sebagai motivasi integratif yang mendorong seseorang untuk mempelajari sesuatu perkara khususnya bahasa kerana mereka berkeinginan untuk berkomunikasi dengan masyarakat bahasa sasaran. Motivasi ekstrinsik ini dapat dirangsang dalam bentuk-bentuk seperti pujian, insentif, hadiah, gred dan membentuk suasana dan iklim persekitaran yang kondusif bagi mendorong para pelajar untuk belajar. Contohnya, ibu bapa memberi pujian kepada kanak-kanak kerana tindakan yang baik akan menyebabkan daya usaha kanak-kanak itu meningkat. Hal ini mewujudkan satu peneguhan dalam diri individu iaitu, suatu motivasi ekstrinsik yang boleh memberi kesan kepada tingkah laku seseorang pelajar.

Orang yang bermotivasi ekstrinsik tidak menganggap diri mereka berkebolehan atau bijak membuat keputusan sendiri. Tingkah laku mereka biasanya dikawal oleh orang lain. Kadang-kadang mereka menyamakan diri mereka dengan orang yang lebih berkebolehan daripada mereka dengan tujuan mendapat faedah daripada kebolehan

tersebut. Pelajar yang bermotivasi ekstrinsik selalu berfikir tentang pendapat guru jika kerja yang mereka lakukan tidak memuaskan. Tidak semua individu bermotivasi intrinsik atau ekstrinsik.

KAJIAN TENTANG BAHASA KEDUA

Pembelajaran bahasa kedua (B2) dipelajari selepas menerima proses pemerolehan bahasa pertama (B1). Pembelajaran B2 merupakan satu bentuk pembelajaran yang baru bagi kanak-kanak untuk mengetahui dan menguasainya dengan lebih baik. Malahan B2 melibatkan bahasa asing di luar tempat asal usul seperti bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Jepun dan sebagainya. Selain itu, B2 bagi istilah linguistik digunakan untuk merujuk kepada bahasa ketiga, keempat, kelima dan seterusnya yang mungkin diketahui dan dikuasai oleh seseorang individu selain daripada bahasa ibunda atau natifnya. Pembelajaran B2 juga berkembang secara perlahan atau dari semasa ke semasa bagi memahami setiap isi kandungan dalam B2 terhadap kalangan kanak-kanak yang mempelajarinya.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan di mana data dikumpul melalui instrumen soal selidik. Data yang dikumpul adalah untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar asing terhadap pembelajaran bahasa Melayu serta menganalisis faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik dan ekstrinsik berdasarkan murid-murid yang dikaji. Responden merupakan murid tahap dua yang belajar di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. Seramai 76 orang murid tahap 2 yang bersekolah di sekolah tersebut. Jadinya, populasi untuk kajian ini ialah seramai 76 orang. Namun begitu, seramai 30 orang murid sahaja yang dipilih untuk dijadikan sebagai sampel. Sampel dipilih adalah dengan menggunakan kaedah pensampelan mudah.

Soal selidik yang digunakan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A berkaitan latar belakang responden dan bahagian B berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu. Soal selidik ini telah diubah suai daripada ujian soalan selidik sikap terhadap pembelajaran bahasa oleh Gardner (2005).

DAPATAN KAJIAN

Dapatkan kajian mengenai analisis item-item pendekatan motivasi intrinsik dalam pembelajaran bahasa Melayu disenaraikan dalam jadual yang berikut:


Soalan 1.	Ya	Tidak
Saya berfikir tentang bahasa Melayu yang telah dipelajari di sekolah		
Selalu	8	22
Kadang-kadang	2	28
Tidak pernah	8	22



Taburan data dan dapatan kajian yang ditunjukkan dalam jadual dan rajah di atas menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Melayu itu sendiri. Hanya 26.67% responden yang selalu berfikir ketika berada di dalam kelas bahasa Melayu dan 26.67% menyatakan bahawa mereka tidak pernah berfikir ketika berada di dalam kelas bahasa Melayu. Selain itu, 6.67% responden menyatakan bahawa mereka kadang-kala sahaja berfikir ketika berada di dalam kelas bahasa Melayu. Perkara ini mungkin dapat diatasi dengan penglibatan murid secara aktif dalam perbincangan supaya dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk berfikir dan memberikan hujah (Azieyana Aziz & Christina Andin 2018).


Selain itu, perkara ini juga dapat dibuktikan melalui pemerhatian yang dilakukan secara rawak terhadap pelajar-pelajar di mana terdapat beberapa orang murid yang tidak memberi perhatian ketika berada di dalam kelas bahasa Melayu. Murid kurang memberi perhatian ketika proses pembelajaran adalah disebabkan oleh murid tidak memahami apa yang disampaikan oleh guru.

Soalan 2.	Ya	Tidak
Selain belajar bahasa Melayu di sekolah, saya juga ingin belajar di;		
Media massa / atas talian	18	12
Pusat tuisyen / akademi bahasa	23	7
Kurang berminat	0	30




Selain itu, dapatan daripada responden menunjukkan bahawa murid-murid juga masih mempunyai keinginan untuk belajar bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana murid memberi respons yang positif di mana mereka mahu untuk belajar bahasa Melayu melalui media massa atau di pusat-pusat tuisyen. Sebanyak 76.67% murid yang menyatakan bahawa mereka ingin mempelajari bahasa Melayu di pusat-pusat tuisyen. Selain itu, seramai 60.00% murid-murid menyatakan bahawa mereka berminat untuk mempelajari bahasa Melayu melalui media massa atau atas talian selain daripada pembelajaran secara formal di sekolah. Perkara ini sekali gus menunjukkan bahawa murid masih berminat untuk mempelajari bahasa Melayu selain mendapat pendidikan formal di sekolah. Dapatan ini selaras dengan kajian Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2017) yang menunjukkan bahawa sikap positif dalam kalangan murid menjadikan diri mereka lebih mudah untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Soalan 3.	Ya	Tidak
Jika bermasalah dalam pembelajaran bahasa Melayu, saya akan;		
Segera merujuk guru	25	5
Meminta bantuan ketika peperiksaan	2	28
Biarkan sahaja	5	25




Selain itu, responden dalam kajian ini menunjukkan bahawa mereka juga masih mengambil berat terhadap pelajaran mereka dalam mempelajari bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana maklum balas daripada soal selidik yang telah dilaksanakan seramai 83.33% murid yang bersetuju bahawa mereka akan segera merujuk guru sekiranya mempunyai masalah atau tidak memahami apa yang dipelajari. Perkara ini disokong oleh kajian Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017) yang menyatakan bahawa pelajar yang melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran mempunyai motivasi yang tinggi dan pencapaian pelajaran dalam sesuatu pelajaran dapat ditingkatkan. 6.67% daripada responden pula akan berjumpa dengan guru ketika peperiksaan sahaja manakala 16.67% daripada responden yang akan membiarkan sahaja jika mereka mempunyai masalah dalam pelajaran bahasa Melayu.

Soalan 4.	Ya	Tidak
Ketika menyiapkan tugasan bahasa Melayu di rumah;		
Ibu bapa / penjaga sentiasa membantu	11	19
Ibu bapa / penjaga jarang memberi perhatian	10	20
Ibu bapa/penjaga menyediakan bahan rujukan	14	16



Ibu bapa juga memainkan peranan terhadap motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana ibu bapa meluangkan lebih banyak masa dengan murid berbanding dengan guru. Justeru, 46.67% daripada responden menyatakan bahawa ibu bapa atau penjaga mereka menyediakan bahan rujukan untuk menyiapkan tugasan bahasa Melayu yang diberikan oleh guru. Seterusnya, 36.67% responden sentiasa mendapat bantuan daripada ibu bapa atau penjaga mereka ketika menyiapkan tugasan bahasa Melayu manakala 33.33% responden jarang mendapat bantuan daripada ibu bapa atau penjaga mereka ketika menyiapkan tugasan mereka. Menurut Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi, & Mohd Nasaruddin Mohd Nor (2018), peranan ibu bapa sangat penting dalam membantu perkembangan anak-anak dan sokongan serta dorongan keluarga boleh menjadi asas kepada kejayaan pelajar di sekolah.


Soalan 5.	Ya	Tidak
Rakan saya belajar bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh;		
Suka berkawan	6	24
Kawan membantu saya	28	2
Tidak berminat	0	30



Di samping itu, rakan-rakan sebaya juga mempengaruhi pembelajaran murid-murid. Sebanyak 28 orang murid, iaitu 93.33% responden yang menyatakan bahawa mereka akan meminta bantuan daripada rakan mereka yang mempelajari bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh. Perkara ini dibuktikan apabila kebanyakan murid suka bertanya kepada rakan-rakan dan meminta bantuan daripada rakan-rakan mereka untuk menyelesaikan tugasan di dalam bilik darjah. Mereka juga sering melakukan perbincangan secara

aktif tentang isi pelajaran dengan rakan-rakan yang bersungguh-sungguh mempelajari bahasa Melayu. Perkara ini juga telah dikenal pasti oleh Nurul Ain Ahmad & Rohaidah Kamaruddin (2019) di mana dalam kajiannya mendapati bahawa pelajar yang berminat mempelajari bahasa Melayu gemar untuk bertanya kepada rakan sekiranya mereka tidak memahami isi pelajaran. Seterusnya, 20.00% responden, iaitu seramai 6 orang murid yang menyatakan bahawa mereka suka berkawan dengan rakan mereka yang mempelajari bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh.

Soalan 6.	Ya	Tidak
Saya suka pengajaran guru bahasa Melayu saya kerana		
Bahan bantu yang pelbagai	10	20
Selalu memberi ganjaran	6	24
Aktiviti yang pelbagai	23	7



Menerusi kajian ini, penyelidik juga mendapati bahawa guru juga merupakan satu daripada faktor yang mempengaruhi motivasi murid untuk mempelajari bahasa Melayu. Seramai 23 orang murid, iaitu 76.67% daripada responden yang menyatakan bahawa mereka suka akan pengajaran guru mereka kerana guru menyediakan dan melaksanakan pelbagai aktiviti di dalam bilik darjah. Dalam Christine Linsah & Zamri Mahamod (2018) menjelaskan bahawa penerimaan murid terhadap aktiviti dalam bilik darjah dapat mewujudkan minat yang mendalam dalam pembelajaran sesuatu subjek. Selain itu, 33.33% responden iaitu bersamaan 10 orang murid menyatakan bahawa bahan bantu yang dibawa oleh guru ke dalam bilik darjah menyebabkan mereka suka akan pembelajaran bahasa Melayu. Hanya 6 orang murid, iaitu 20.00% daripada responden yang menyukai pembelajaran bahasa Melayu kerana guru sering memberikan

peneguhan positif seperti memberi hadiah, pujian dan ganjaran. Peneguhan positif memainkan peranan untuk membentuk motivasi dan mampu untuk mendisiplinkan murid.

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan yang diperoleh daripada kajian ini dapat membantu pihak sekolah terutamanya guru untuk membantu meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kajian ini membantu untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi motivasi murid untuk mempelajari bahasa Melayu. Jadinya, faktor tersebut bolehlah dimanfaatkan oleh guru-guru dan ibu bapa untuk meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran murid terbahagi kepada dua, iaitu faktor intrinsik dan faktor ekstrinsik. Dalam kajian ini, faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ialah faktor ekstrinsik. Faktor tersebut ialah rakan sebaya yang bersungguh-sungguh belajar bahasa Melayu sering menjadi rujukan dan tumpuan murid untuk mendapatkan bantuan. Seramai 93.33% murid yang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya, faktor yang mendapat peratusan kedua tertinggi ialah faktor pengajaran guru. Guru yang merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti dalam bilik darjah merupakan faktor yang menarik minat murid untuk terus mengikuti pembelajaran dalam bilik darjah. Seterusnya, kajian ini mencadangkan agar kajian yang berikutnya perlu lebih berfokus sama ada terhadap faktor luaran atau faktor dalaman sahaja.

RUJUKAN

- Abbas Pourhosein Gilakjani, Lai-Mei Leong & Narjes Banou Sabouri. 2012. A Study on the role of motivation in foreign language learning and teaching, *International Journal of Modern Education and Computer Science* 7: 9-16.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mohamad, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. 2017. Pembelajaran Abad

- Ke-21 dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*: 77-88.
- A.M Sardiman. 2010. *Interaksi dan Motivasi Belajar Mengajar*. Jakarta: PT Rajagrafindo Persada.
- Azieyana Aziz, & Christina Andin. 2018. Penggunaan Strategi Pembelajaran Koperatif untuk Meningkatkan Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(1): 1-9.
- Christine Linsah, & Zamri Mahamod. 2018. Tahap Pengetahuan, Penerimaan dan Penguasaan Pelajar Etnik Bidayuh Bukar Sadang dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Peta Pemikiran I-Think. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(3): 3-15.
- Dayang Sufilkawany Ujai, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2017. Pengaruh Faktor Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*: 74-84.
- Deci, E & Ryan, R. 1985. *Intrinsic Motivation and Self Determination in Human Behavior*. New York: Plenum Press.
- Dornyei, Z. 1994. Motivation and Motivating in the foreign language classroom. *Modern Language Journal* 78: 273-284.
- Ellis, R. 1985. *Understanding Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford Universiti Press.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. 1972. *Attitudes and Motivation in Second Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House Publishers.
- Gardner, R.C 2001. Language Learning Motivation: The student, The teacher, and the researcher. *Texas Papers in Foreign Language Education* 6: 1-18.
- Gardner, R.C. 2005. Integrative Motivation and Second Language Acquisition. *Canadian Association of Applied Linguistics/Canadian Linguistics Association Joint Plenary Talk*. London, Canada: The Universiti of Western Ontario.
- Jamali Ismail, 1992. *Sikap, Motivasi dan Pencapaian dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua di Kalangan Pelajar Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Julkunen, K. 1989. *Situation and Task-Specific Motivation in Foreign Language Learning and Teaching*. Finland: University of Joensuu Press.
- Krashen. 1981. *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Oxford: Pergamon Press.
- Keller, J. M. 1983. Motivational Design of instruction. In *Instructional Design Theories and Models*, edited by C.M Reigeluth. Hilldale, NJ: Erlbaum.
- Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi, & Mohd Nasaruddin Mohd Nor. 2018. Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 14(1): 72-86.
- Noels, K. A. 2002. New Orientations in Language Learning Motivation: Towards a Model of Intrinsic, Extrinsic and Integrative Orientations and Motivation. Dlm. *Motivation and Second Language Acquisition*, disunting oleh Domyei, Z.& Richards, S. Honolulu: Universiti of Hawaii Press.
- Nurul Ain Ahmad, & Rohaidah Kamaruddin. 2019. Faktor Ekstralinguistik terhadap Sikap Pembelajaran Bahasa

- Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing di Universiti Terpilih di Malaysia . *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(1): 69-76.
- Oxford, R. L and Shearin, J. 1994. Language Learning motivation: expending the theoretical framework. *The Modern Language Journal* 78: 12-28.
- Rohaidah Kamaruddin. 2012. Hubungan Faktor Ekstralinguistik bahasa ke dua dengan pencapaian Bahasa Melayu pelajar-pelajar Melayu di Negeri Sembilan. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Saedah Siraj, Zainun Ishak & Tunku Mohani Tunku Mokhtar. 1996. *Motivation in Education*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Alhaadi Ismail
Pelajar Sarjana,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM, Serdang,
Selangor, MALAYSIA.
alhaadi.ismail@gmail.com

Norimah Zakaria
Pelajar Sarjana,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM, Serdang,
Selangor, MALAYSIA.
norimahzakariaupm@gmail.com

Diserahkan: 29 Mac 2019

Diterima: 03 Julai 2019